

Utusan Malaysia (Mega Kampus) m/s 23 30/06/2014 (Isnin)

> MegaKampus



DR. Mortaza Mohamed (empat dari kanan) menyampaikan cenderamata kepada Dr. Munthana Al-Rifai ketika mengadakan kunjungan ke UMP, baru-baru ini.

UMP terima kunjungan NBAQ Kuwait

Kunjungan itu bagi meningkatkan kerjasama pendidikan bagi meningkatkan pengambilan pelajar antarabangsa di Kuwait untuk mengikuti pengajian di peringkat ijazah pertama di Universiti Malaysia Pahang

Oleh MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK dan MIMI RABITA ABDUL WAHIT

UNIVERSITI Malaysia Pahang (UMP) menerima kunjungan delegasi badan pengiktirafan program akademik, *National Bureau for Academic Accreditation & Education Quality Assurance (NBAQ) Kuwait* bagi meningkatkan pengambilan pelajar antarabangsa di Kuwait untuk mengikuti pengajian di peringkat ijazah pertama di Universiti Malaysia Pahang.

Ketibaan delegasi yang diketuai oleh Timbalan Pengarah-NBAQ, Dr. Munthana Al-Rifai disambut Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa),

Profesor Datuk Dr. Mortaza Mohamed bersama pengurusan universiti.

Delegasi disertai Pengarah Pejabat Kebudayaan Kuwait di Australia, Dr. Ammar Alhusaini, Dekan Kolej Kejuruteraan dan Petroleum Kuwait University, Profesor Husain Alkhiat dan Dekan Kolej Pengajian Bisnes, Public Authority for Applied Education and Training, Dr. Adnan Alali.

Menurut Profesor Datuk Dr. Mortaza, kunjungan ini amat bermakna bagi universiti dalam usaha mendapatkan pengiktirafan dari universiti-universiti luar negara bagi meningkatkan pengambilan pelajar antarabangsa di universiti ini.

"Kehadiran delegasi ini untuk menilai

program akademik dan kemudahan di UMP selain mengiktiraf peranan universiti itu di peringkat kerajaan Kuwait untuk mengikuti pengajian terutamanya di peringkat pasca siswazah."

"Perbincangan memfokuskan program dwi-ijazah yang ditawarkan UMP dengan pihak institusi pengajian tinggi di Jerman, *Hochschule Karlsruhe, University of Applied Sciences Jerman (HsKA)* dalam bidang Kejuruteraan Automotif dan Kejuruteraan Mekatronik, yuran pengajian, pembangunan fasiliti, akademik, penyelidikan dan perkembangan universiti ini," katanya.

Yang turut hadir sama, Dekan Fakulti

Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian (FSKPP), Profesor Dr. Jasni Mohd. Zain, Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam (FKASA), Fadzil Mat Yahaya dan Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE), Prof. Madya Dr. Kamarul Hawari Ghazali, Pengarah Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (CAIC), Prof. Dr. Mohd. Ridzuan Nordin dan Pengarah Pejabat Antarabangsa, Profesor Madya Dr. Ainol Haryati Ibrahim.

Delegasi turut melawat kemudahan makmal FKKSA, makmal berpusat dan berpeluang menyaksikan koleksi gambar kecemerlangan universiti serta penyelidikan di Galeri UMP yang terletak di Kompleks Pentadbiran Utama.